



Fail: KPKT/BPK/19/7/4 Klt.41(66)

Tarikh : 24 Mac 2013

SIARAN MEDIA

RM1.35 JUTA PERUNTUKAN BAGI PEMBINAAN MINI STADIUM MAJLIS DAERAH BALING

Kedah, 24 Mac 2013 – Bagi merealisasikan aspirasi Gagasan 1Malaysia dalam membentuk perpaduan dan kemakmuran di kawasan setempat, Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menyalurkan sebanyak 93.9 % iaitu RM 1.3 juta untuk pembinaan Mini Stadium Majlis Daerah Baling menurut YB Dato' Seri Chor Chee Heung pada majlis Pecah Tanah cadangan Pembinaan Stadium tersebut pada pagi ini.

Menurut Chor lagi, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), melalui Jabatan Kerajaan Tempatan, telah menyalurkan peruntukan berjumlah **RM19.4 juta** bagi melaksanakan **274 projek** di 11 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Kedah. Penyaluran peruntukan tersebut adalah melaksanakan **184 projek kecil di kawasan PBT dan Kampung Tradisional** yang merangkumi **169 Projek infrastruktur** seperti membina dan menaiktaraf jalan, longkang dan tempat letak kereta awam, **13 Projek Kemudahan Awam** seperti membina dewan orang ramai, pondok menunggu bas, tandas awam

dan **2 Projek Sosio-ekonomi** seperti projek membina dan menaik taraf pasar awam, gerai dan tapak pasar pagi; dan juga bagi melaksanakan **90 Program Kemajuan Perkampungan** seperti projek menaik taraf jalan, longkang, dewan dan gelanggang sukan di kawasan Kampung Baru.

Selain daripada penyaluran peruntukan bagi tujuan pembangunan pada tahun 2012 kesemua PBT di Negeri Kedah turut menerima sumbangan lain daripada Kerajaan Persekutuan bagi membantu operasi dan mengurus PBT melalui pemberian Geran Tahunan Pihak Berkuasa Tempatan sejumlah **RM 29,928,251** dan Sumbangan Membantu Kadar (SMK) sejumlah **RM4,898,579.90**.

Tambah Chor lagi bagi tahun 2013 , bagi membantu mewujudkan PBT yang lebih dinamik dan berdaya saing, Kerajaan telah meluluskan peruntukan berjumlah **RM 23.2 juta** bagi tujuan pelaksanaan **132 projek** kepada semua PBT Negeri Kedah. Kerajaan Persekutuan amat komited dalam memberi penekanan terhadap aspek pembangunan lestari yang juga turut menitik beratkan kesejahteraan alam sekitar .

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Seri Chor Chee Heung. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555
Faks : 03-8891 5557
E-mail : pro@kpkt.gov.my